



**JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA**

---

**ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ**

**BIL. 19/2025**

---

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN *INSOLVENCY LOOSE MINUTE ACTIONS FILE*  
(ILMAF) UNTUK TINDAKAN KOMITAL**

Diedarkan kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi  
Pengarah Insolvensi Bahagian  
Pengarah Insolvensi Negeri  
Timbalan Pengarah Insolvensi  
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi  
Penolong Pengarah Insolvensi  
Pegawai Insolvensi Utama  
Ketua Cawangan  
Pegawai Insolvensi

## AKPI 10/2025: GARIS PANDUAN PENGENDALIAN *INSOLVENCY LOOSE MINUTE ACTIONS FILE* (ILMAF) UNTUK TINDAKAN KOMITAL

### TUJUAN

1. Arahan ini disediakan bagi memudahkan Pegawai Penyiasat (PI UPP) di Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan (UPP) melaksanakan tugas siasatan bagi kes *Insolvency Loose Minute Action File* (ILMAF) untuk tindakan komital.

### DEFINISI DAN TAFSIRAN

2. "ILMAF" ertinya *Insolvency Loose Minute Action* iaitu fail yang dibuka untuk kesalahan-kesalahan komital yang dilakukan oleh bankrap.

3. "Kesalahan" ertinya perihal salah (perbuatan salah atau kesilapan), dipersalahkan, dianggap salah atau mendapat salah.

4. "Komital" ertinya suatu proses undang-undang untuk menguatkuasa suatu perintah atau penghakiman mahkamah terhadap pihak yang ingkar sama ada didenda atau penjara atau kedua-duanya sekali.

5. "Kesalahan Komital" ertinya perbuatan atau tindakan salah yang dilakukan oleh bankrap mengikut peruntukkan di bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

### LATAR BELAKANG

6. Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) telah diberi kuasa untuk melantik Pegawai Penyiasat (PI UPP) di bawah seksyen 84A Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] yang membolehkan pegawai menjalankan tugas-tugas risikan dan penyiasatan menyeluruh dalam mengendalikan sesuatu kes sebelum tindakan komital diambil sebagai tindakan penguatkuasaan. Seiring dengan pindaan bagi Manual Prosedur Kerja bagi kes ILMAF, Arahan KPI bagi kes ILMAF juga perlu dipinda bagi memudahkan proses kerja kes ILMAF.

7. ILMAF yang dibuka hendaklah mengandungi maklumat berkaitan latar belakang bankrap, jenis kesalahan yang dilakukan oleh bankrap, mengumpul maklumat, mengenalpasti saksi-saksi yang boleh memberikan keterangan, mendapatkan dokumen yang berkaitan serta menyediakan draf pertuduhan dan syor pertuduhan. **1 kesalahan hendaklah dibuka 1 ILMAF** dan disusun secara teratur.

8. Proses kerja bagi pengendalian ILMAF, senarai borang dan senarai semak boleh dirujuk dalam Manual Prosedur Kerja Pengendalian *Insolvency Loose Minute Actions File* (ILMAF) Untuk Tindakan Komital Unit Penyiasatan Dan Penguatkuasaan. Manakala panduan bagi kes-kes ILMAF berprofil tinggi boleh dirujuk dalam Manual Prosedur Kerja Pengendalian *Insolvency Loose Minute Actions File* Bahagian Penyiasatan Dan Penguatkuasaan.

#### PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

9. Merujuk kepada Akta Insolvensi 1967 [Akta 360], terdapat 19 kesalahan komital bagi fail ILMAF iaitu seperti Jadual A di bawah:

[JADUAL A]

Bil	Kesalahan	Seksyen (Akta 360)
1.	Bankrap gagal mengemukakan Pernyataan Hal Ehwal.	16(3)
2.	Pemiutang atau mana-mana orang dengan tidak betul menyatakan dirinya sebagai pemiutang.	16(4)
3.	Keingkaran terhadap suatu perintah mahkamah berhubung setuju selesai atas perkiraan.	18(13)
4.	Penghutang gagal menjalankan tugas yang dikenakan ke atasnya dalam seksyen 27(1), (2) dan (3) atau gagal menyerahkan mana-mana bahagian harta di dalam milikannya kepada KPI untuk dibahagikan kepada pemiutang-pemiutangnya.	27(4)
5.	Bankrap sedang bersembunyi atau melarikan diri dengan tujuan mengelak untuk bayaran hutang atau mengelak penyampaian petisyen atau mengelak pemeriksaan hal ehwalnya.	28(1)(a)

6.	Memindahkan barang-barangnya dengan tujuan mencegah atau melengahkan milikan barang-barang daripada diambil oleh KPI atau menyembunyikan atau merosakkan buku, dokumen atau tulisan yang berguna dalam urusan kebankrapannya.	28(1)(b)
7.	Memindahkan mana-mana barang dalam milikannya melebihi nilai RM 50.00 tanpa kebenaran KPI.	28(1)(c)
8.	Gagal menghadiri mana-mana pemeriksaan yang diperintahkan oleh mahkamah tanpa menunjukkan alasan yang baik.	28(1)(d)
9.	Mahkamah berpendapat wujud kebarangkalian munasabah aset tidak mencukupi untuk pembahagian 1 dividen sebanyak RM 50.00 atau bankrap telah melakukan apa-apa kesalahan boleh hukum dalam Akta 360.	28(1)(e)
10.	Gagal memohon kebenaran KPI untuk menyenggara apa-apa tindakan (selain dari suatu tindakan untuk ganti rugi berkenaan dengan suatu kecederaan kepada dirinya).	38(1)(a)
11.	Gagal memfailkan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan setiap 6 bulan.	38(1)(b)
12.	Gagal melaporkan penerimaan apa-apa duit, harta atau hasil kutipan dalam sebarang bentuk daripada harta yang bernilai melebihi RM 500.00; yang bukan sebahagian daripada pendapatan kebiasaannya kepada KPI.	38 (1)(ba)
13.	Gagal memaklumkan perubahan alamatnya.	38(1)(bb)
14.	Meninggalkan Malaysia tanpa kebenaran KPI.	38(1)(c)
15.	Gagal memohon kebenaran KPI atau mahkamah untuk menjalankan perniagaan sama ada secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian dalam pengurusan syarikat.	38(1)(d)

16.	Gagal memohon kebenaran KPI atau mahkamah untuk bertugas dalam pengurusan perniagaan atau bagi pihak atau bekerja dengan suami/isteri, satu keturunan nenek moyang/cucu-cicit atau seorang suami/isteri nenek moyang atau cucu cicit, adik beradik (perempuan/lelaki) atau seorang isteri/suami adik beradik.	38(1)(e)
17.	Ingkar dalam melaksanakan syarat-syarat yang dikenakan dalam seksyen 38 atau suatu syarat yang dikenakan menurut subseksyen (1A).	38(2)
18.	Ingkar untuk membayar dan menyerahkan kesemua duit dan sekuriti dalam milikannya atau dalam kuasanya sebagai pegawai, pegawai bank, peguam atau agen yang ia tidak berhak secara undang-undang ke atasnya.	55(5)
19.	Seorang Penghutang atau orang lain ingkar dalam mematuhi apa-apa perintah atau arahan yang diberi oleh Mahkamah, atau diberi oleh KPI, atau mana-mana pegawai lain Mahkamah,  di bawah mana-mana kuasa yang diberi oleh Akta 360 ini.	91(2)

## PELAKSANAAN

### (A) FORMAT FAIL ILMAF

10. Setiap ILMAF yang dibuka hendaklah dirujuk kepada PIN / KC melalui KUPP untuk keputusan di akhir siasatan. Bagi ILMAF yang melibatkan bankrap atau mana-mana individu berprofil tinggi atau yang mendapat liputan meluas, ILMAF tersebut hendaklah dirujuk kepada PIBPP. PIBPP seterusnya akan mendapatkan arahan TKPI.

11. Minit pertama ILMAF hendaklah dimulakan dengan minit oleh KUPP mengarahkan Pegawai Penyiasat (jika KUPP bukan pegawai penyiasat) untuk memulakan siasatan komital.

12. ILMAF mempunyai 4 muka surat di mana muka surat 1 hingga 4 merupakan kulit ILMAF.

13. Fail ILMAF hendaklah dibuka dengan menggunakan **sampul kecil berwarna kuning**. Format muka depan 1,2 dan 3 kulit fail ILMAF perlu dicetak menggunakan kertas A4 putih dan dilekatkan seperti di Lampiran A.

14. Setiap fail ILMAF hendaklah mengandungi dokumen berikut:

14.1 Kertas minit

14.1.1 Setiap minit hendaklah mengandungi kandungan berikut:

- a) Nombor minit;
- b) Kepada siapa;
- c) Kandungan tindakan/penemuan/cadangan/arahan;
- d) Tandatangan, nama dan jawatan
- e) Tarikh

14.1.2 Minit hendaklah disediakan dengan jelas. Jika minit merujuk kepada permulaan arahan tuduh, intipati kesalahan hendaklah dinyatakan dengan jelas termasuk keterangan atau dokumen manakah yang dirujuk. Manual Intipati Kesalahan ILMAF sepertimana di Lampiran B; dan

14.2 Diari siasatan Pegawai Penyiasat

14.2.1 Pegawai penyiasat perlu merekodkan diari siasatan dengan ditandakan sebagai C.

14.2.2 Setiap tindakan di dalam diari siasatan perlu ditandatangani oleh pegawai penyiasat.

14.2.3 Format diari siasatan sepertimana di Lampiran C.

14.3 Dokumen-dokumen lain seperti Borang Aduan, Notis Kebankrapan, Petisyen Kebankrapan, Perintah Kebankrapan, Penyata Hal Ehwal (PHE), Keputusan carian awal, Notis yang dikeluarkan Mdl kepada bankrap, Laporan Kedudukan Kes (LKK) dan lain-lain ditandakan sebagai Folio D.

14.4 Rakaman percakapan bagi Pengadu dan saksi:

- 14.4.1 Hanya perlu dilaksanakan sekiranya dokumen tidak membantu untuk menzahirkan kesalahan bankrap.
- 14.4.2 Rakaman percakapan bagi bankrap ditandakan sebagai Folio B1 dan saksi sebagai Folio A1, A2, A3, dan seterusnya.
- 14.4.3 Setiap helaian cetakan rakaman percakapan perlu ditandatangani oleh saksi / bankrap, jurubahasa (jika ada) dan pegawai perakam.
- 14.4.4 Format rakaman percakapan seperti di Lampiran D.

**(B) FORMAT PENANDAAN DAN PENYUSUNAN FOLIO-FOLIO DI DALAM ILMAF**

15. Susunan dokumen dalam fail ILMAF bermula dari Folio A sehingga Folio D. Dokumen baru/terkini sama ada yang diterima atau keluar perlu ditandakan dengan D dengan nombor Contoh: D1, D2, D3, .... dan disusun dari depan ke belakang. Dokumen lama berada di depan dan dokumen baru di belakang.

16. Dokumen dalaman seperti surat keluar kepada agensi hendaklah ditandakan dengan menggunakan **pen biru/hitam** dan dokumen yang diterima dari agensi luar ditandakan dengan menggunakan **pen merah**. Berikut format penandaan folio bagi ILMAF seperti di Jadual B:

**[JADUAL B]**

Penandaan (Folio)	Dokumen
A	Aduan pertama
AA	Aduan kedua (sekiranya ada)
AAA	Aduan ketiga (sekiranya ada)
A1	Nama saksi (Rakaman percakapan S1)
A2	Nama saksi (Rakaman percakapan S2)
A3 dan seterusnya	
B1	Suspek (Bankrap)
C1	Diari Siasatan
D1 dan seterusnya	Dokumen lain yang berkaitan

**(C) TEMPOH MASA PENYELESAIAN KES KOMITAL ILMAF**

17. Tempoh masa penyelesaian bagi kesemua jenis kesalahan ILMAF seperti Jadual C di bawah:

[JADUAL C]

Bil	Kategori bankrap	Rujukan Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan (BPP)	Tempoh masa penyelesaian
1.	Biasa	Tidak perlu dirujuk hanya diputuskan oleh PIN/KC	1 bulan dari tarikh ILMAF dibuka
2.	Profil tinggi (rujuk MPK Profil Tinggi)	Ditentukan oleh Ibu pejabat	2 bulan dari tarikh ILMAF dibuka

18. Sekiranya ILMAF tersebut tidak berjaya diselesaikan dalam tempoh 1 hingga 2 bulan, penambahan masa seterusnya hanya selama 1 bulan sahaja (jumlah maksimum fail aktif selama 3 bulan sahaja). Bagi ILMAF yang telah melebihi tempoh masa yang ditetapkan, hendaklah dirujuk kepada PIN/KC untuk arahan selanjutnya dan arahan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Ibu Pejabat.

**(D) TATACARA SERAHAN/PENGHANTARAN ILMAF KE BPP, IBU PEJABAT**

19. Sebelum fail ILMAF berprofil tinggi dikemukakan ke BPP, Pegawai Penyiasat (PI UPP) perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Minit ILMAF dicatitkan dengan jelas;
- b) Setiap dokumen hendaklah dijilidkan dan disusun teratur Minit ILMAF dicatitkan dengan jelas;

20. Semua fail ILMAF yang berprofil tinggi perlu dirujuk ke BPP hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan **diserah secara serahan tangan sahaja**.

### KEGAGALAN MEMATUHI


21. Kegagalan pegawai untuk mematuhi arahan Ketua Pengarah Insolvency ini adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tataterib) 1993 [P.U(A) 395/1993].

### PEMBATALAN

22. Dengan berkuat kuasanya Arahan ini, maka Arahan Ketua Pengarah Insolvency Bil.2/2020 dibatalkan.

### TARIKH KUAT KUASA

23. Arahan ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.



(DATUK ISHAK BIN BAKRI)

KETUA PENGARAH INSOLVENSII

Tarikh: 15 DEC 2025

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Format Muka Depan, Muka Surat 2 dan Muka surat 3 Kulit Fail ILMAF
B	Manual Intipati Kesalahan Komital
C	Diari Siasatan
D	Format Rakaman Percakapan

## [LAMPIRAN A]

## 1. MUKA DEPAN KULIT FAIL ILMAF

**RUJ.ILMAF : Mdi (.. )/ILMAF/2000/..****NAMA :****NO. K/P :****NO. KES :****KESALAHAN :**

## 2. MUKA 2 KULIT FAIL ILMAF

KETERANGAN RINGKAS:
Tarikh :
Tempat:
Pengadu:
Suspek:
No. K/P:
Alamat:
No. Kes Kebankrapan:
Kesalahan:
Ringkasan Kes :

## 3. MUKA 3 KULIT FAIL ILMAF

Folio A	: Aduan
Folio A1	: Rakaman percakapan saksi (Jika ada A1,A2,A3)
Folio B1	: Rakaman percakapan suspek (Jika perlu)
Folio C	: Diari siasatan
Folio D1	: Perintah, Notis dan Dokumen-dokumen lain
Folio D2	:
D3	:
D4	:
D5	:
D6	:
D7	:
D8	:
PEGAWAI PENYIASAT	:
TARIKH PROSIDING KOMITAL	:

**[LAMPIRAN B]****MANUAL INTIPATI KESALAHAN KOMITAL DI BAWAH AKTA INSOLVENSİ 1967 (AKTA 360)****1. SEKSYEN 16(3) AKTA INSOLVENSİ 1967**

*(3) -If the debtor fails without reasonable excuse, proof whereof shall lie on him, to comply with the requirements of this section he shall be guilty of a contempt of court and may be punished accordingly, and the court may on the application of the Director General of Insolvency or of any creditor adjudge him bankrupt.*

**Intipati yang perlu dibuktikan:**

- i. Individu tersebut adalah seorang bankrap yang masih belum dilepaskan daripada kebangrapan.
- ii. Bankrap gagal mengemukakan Penyata Hal Ehwal sebagaimana kehendak seksyen 16(1).

**2. SEKSYEN 16(4) AKTA INSOLVENSİ 1967**

*(4) Any person stating himself, in writing, to be a creditor of the bankrupt may personally or by agent inspect this statement at all reasonable times and take any copy thereof or extract therefrom, but any person untruthfully so stating himself to be a creditor shall be guilty of a contempt of court and shall be punishable accordingly on the application of the Director General of Insolvency.*

**Intipati yang perlu dibuktikan:**

- i. Pernyataan bertulis dibuat oleh seseorang yang menyatakan dirinya pemiutang.
- ii. Pernyataan itu dibuat untuk memeriksa atau mendapatkan salinan PHE.
- iii. Pernyataan itu adalah tidak benar-Individu tersebut bukan pemiutang.
- iv. Individu itu sedar atau sepatutnya sedar bahawa pernyataan itu adalah tidak benar.

### 3. SEKSYEN 18(13) AKTA INSOLVENSİ 1967

*(13) A composition or scheme under this section may be enforced by the court on application by any person interested, and any disobedience of an order of the court made on the application shall be deemed a contempt of court.*

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Wujud satu *composition* atau *scheme* yang sah. *Composition/scheme* itu telah diterima dan telah diluluskan oleh mahkamah di bawah Seksyen 18(2).
- ii. Pemohon adalah "*person interested*". Ini termasuk:
  - Pemiutang yang terjejas, atau
  - bankrap, atau
  - KPI, atau
  - Mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan kewangan/undang-undang dalam pelaksanaan terma *composition/scheme*.
- iii. Berlaku ketidakpatuhan/pelanggaran terhadap *composition/scheme* contohnya:
  - Bankrap gagal membayar ansuran seperti terma *scheme*.
  - Pemiutang ingkar terhadap perintah untuk menerima pembayaran tertentu.
  - Mana-mana pihak tidak mengikut jadual atau terma yang ditetapkan.
- iv. Perintah mahkamah telah dikeluarkan dan tidak dipatuhi

### 4. SEKSYEN 27(4) AKTA INSOLVENSİ 1967

*(4) If a debtor wilfully fails to perform the duties imposed on him by this section or to deliver up possession of any part of his property which is divisible amongst his creditors under this Act, and which is for the time being in his possession or under his control, to the Director General of Insolvency or to any person authorized by the court to take possession of it, he shall, in addition to any other punishment to which he may be subject, be guilty of a contempt of court and may be punished accordingly.*

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Individu tersebut adalah seorang bankrap yang masih belum dilepaskan daripada kebangkrapan.
- ii. Bankrap mesti mempunyai tanggungjawab yang jelas menurut Seksyen 27, contohnya:
  - menyerahkan harta,
  - menghadiri mesyuarat pemiutang,
  - memberi inventori aset,
  - bekerjasama dengan KPI.
- iii. Harta berada dalam kawalan atau milikan bankrap.
- iv. Bankrap dengan sengaja gagal melaksanakan kewajipan termasuk:
  - menahan harta,
  - mengelak menghadiri pemeriksaan,
  - enggan menyerahkan dokumen, atau
  - menghalang proses kebangkrapan.

**5. SEKSYEN 28(1)(a) AKTA INSOLVENSİ 1967**

*(a) after a bankruptcy notice has been issued under this Act, or after presentation of a bankruptcy petition by or against him, it appears to the court that there is probable reason for believing that he is in hiding or has absconded or is about to abscond, with a view of avoiding payment of the debt in respect of which the bankruptcy notice was issued, or of avoiding service of a bankruptcy petition, or of avoiding appearance to any such petition, or of avoiding examination in respect of his affairs, or otherwise avoiding, delaying or embarrassing proceedings in bankruptcy against him; or*

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Notis kebangkrapan telah diserahkan; atau Petisyen kebangkrapan telah difailkan.
- ii. Terdapat alasan untuk mempercayai bahawa bankrap bersembunyi, telah melarikan diri, akan melarikan diri atau membuat persediaan melarikan diri.
- iii. Bankrap bersembunyi, telah melarikan diri, akan melarikan diri atau membuat persediaan melarikan diri bagi tujuan:
  - mengelak bayaran hutang.
  - mengelak daripada diserahkan Petisyen Kebankrapan.
  - mengelak hadir ke mahkamah untuk Petisyen Kebankrapan.
  - mengelak pemeriksaan PHE.
  - mengelak/melambatkan/mengganggu prosiding kebangkrapan

**6. SEKSYEN 28(1)(b) AKTA INSOLVENSII 1967**

*(b) after presentation of a bankruptcy petition by or against him it appears to the court that there is probable cause for believing that he is about to remove his goods, with a view of preventing or delaying possession being taken of them by the Director General of Insolvency, or that there is probable ground for believing that he has concealed or is about to conceal or destroy any of his goods or any books, documents or writings which might be of use to his creditors in the course of his bankruptcy; or*

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Notis kebangkrapan telah diserahkan; atau Petisyen kebangkrapan telah difailkan.
- ii. Terdapat alasan untuk mempercayai/probable cause bahawa bankrap akan
  - memindahkan harta
  - telah atau akan menyembunyikan atau memusnahkan buku atau dokumen yang relevan.

- iii. Dengan tujuan untuk:
  - menanggungkan penyerahan harta kepada KPI
  - menanggungkan kepentingan Pemiutang.

#### 7. SEKSYEN 28(1)(c) AKTA INSOLVENSIS 1967

*(c) after service of a bankruptcy petition on him he removes any goods in his possession above the value of fifty ringgit without the leave of the Director General of Insolvency; or*

##### Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Petisyen Kebankrapan hendaklah telah diserahkan kepada bankrap.
- ii. Bankrap memindahkan atau mengeluarkan barang selepas penyerahan Petisyen Kebankrapan.
- iii. Nilai barang melebihi RM 50.00.
- iv. Tiada kebenaran KPI.

#### 8. SEKSYEN 28(1)(d) AKTA INSOLVENSIS 1967

*(d) without good cause shown he fails to attend any examination ordered by the court; or*

##### Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Terdapat arahan mahkamah (perintah/panggilan untuk pemeriksaan).
- ii. Kegagalan hadir oleh bankrap pada tarikh berkenaan.
- iii. Tiada "good cause" (sebab munasabah) ditunjukkan atas kegagalan hadir

## 9. SEKSYEN 28(1)(e) AKTA INSOLVENSI 1967

*(e) after presentation of a bankruptcy petition by or against him the Director General of Insolvency reports to the court, or the court is otherwise satisfied that there is probable reason for believing that the assets will not be sufficient to pay a dividend of fifty ringgit per centum on the debts or that there is probable reason for believing that the debtors has committed any offence punishable under this Act.*

### Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Notis Kebankrapan diserahkan atau Petisyen Kebankrapan difailkan.
- ii. Laporan rasmi KPI atau bukti lain yang memuaskan mahkamah bahawa:
  - Aset dijangka tidak mencukupi untuk membayar sekurang-kurangnya dividen RM 50.00 *per centum* daripada hutang; atau
  - *Probable reason* bankrap telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta

## 10. SEKSYEN 38 1(a)

*(a) the bankrupt shall be incompetent to maintain any action (other than an action for damages in respect of an injury to his person) without the previous sanction of the Director General of Insolvency;*

### Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Individu tersebut adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan
- ii. Bankrap cuba atau berhasrat untuk memulakan tindakan undang-undang
- iii. Tindakan itu bukan tuntutan kecederaan tubuh badan
- iv. Tiada kebenaran diberikan oleh KPI.

**11. SEKSYEN 38(1)(b)**

- (b) the bankrupt shall once in every six months render to the Director General of Insolvency an account of all moneys and property which have come to his hands for his own use during the preceding six months, and shall pay and make over to the Director General of Insolvency so much of the same moneys and property as have not been expended in the necessary expenses of maintenance of himself and his family;*

Inisipati yang perlu dibuktikan:

- i. Individu tersebut seorang bankrap.
- ii. Individu tersebut merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan.
- iii. Bankrap gagal serah kepada KPI penyata akaun semua wang dan harta yang diperolehi untuk kegunaan sendiri setiap 6 bulan sekali.
- iv. Bankrap gagal bayar dan serah kepada KPI wang dan harta yang tidak dibelanjakan untuk keperluan diri dan keluarganya setiap 6 bulan sekali.

**12. SEKSYEN 38(1) (ba) AKTA INSOLVENSI 1967**

*(ba) notwithstanding paragraph(b), the bankrupt shall immediately report to the Director General of Insolvency the receipt of any moneys, property or proceeds in any form from property the value of which exceeds five hundred ringgit and which moneys, property or proceeds do not form part of his usual income and the bankrupt shall, as soon as may be required by the Director General of Insolvency, pay or make over such moneys, property or proceeds to the Director General of Insolvency*

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Individu tersebut seorang bankrap.
- ii. Individu tersebut merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan.
- iii. Bankrap telah gagal memberitahu dengan segera kepada KPI penerimaan apa-apa wang, harga atau hasil kutipan dari apa-apa bentuk harta yang bernilai melebihi RM 500.00;
- iv. Penerimaan apa-apa wang, harga atau hasil kutipan itu bukan sebahagian dari hasil pendapatan kebiasaan bankrap.

**13. SEKSYEN 38 (1) (bb) AKTA INSOLVENSII 1967**

*(bb) the bankrupt shall immediately inform the Director General of Insolvency there is any change of his home address;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Individu tersebut adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan.
- ii. Bankrap telah menukar alamat kediaman dan gagal memberitahu dengan segera kepada KPI sebarang perubahan/pertukaran tentang alamat rumahnya.

**14. SEKSYEN 38(1)(c) AKTA INSOLVENSII 1967**

*(c) the bankrupt shall not leave Malaysia without the previous permission of the Director General of Insolvency or of the court;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Individu tersebut adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan
- ii. Bankrap telah meninggalkan Malaysia
- iii. Bahawa tiada kebenaran diberikan terlebih dahulu daripada KPI atau mahkamah untuk bankrap meninggalkan Malaysia.

**15. SEKSYEN 38(1)(d) AKTA INSOLVENSI 1967**

*(d) the bankrupt shall not, except with the previous permission of the Director General of Insolvency or of the court, enter into or carry on any business either alone or in partnership, or become a director of any company or otherwise directly or indirectly take part in the management of any company;*

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Individu tersebut merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan.
- ii. Bankrap telah memasuki perniagaan secara sendiri tanpa kebenaran KPI.
- iii. Bankrap telah memasuki perniagaan dalam perkongsian tanpa kebenaran KPI.
- iv. Bankrap telah menjalankan perniagaan secara sendiri tanpa kebenaran KPI.
- v. Bankrap telah menjalankan perniagaan dalam perkongsian tanpa kebenaran KPI.
- vi. Bankrap telah menjadi pengarah syarikat tanpa kebenaran KPI.
- vii. Bankrap telah secara langsung mengambil bahagian dalam pengurusan syarikat tanpa kebenaran KPI.
- viii. Bankrap telah secara tidak langsung mengambil bahagian dalam pengurusan syarikat tanpa kebenaran KPI.

- ix. Bankrap tidak mendapat kebenaran KPI.

#### 16. 38(1)(e) AKTA INSOLVENSİ 1967

- (e) *the bankrupt shall not, except with the previous permission of the Director General of Insolvency or of the court, engage in the management or control of any business carried on by or on behalf of, or be in the employment of, any of the following persons, namely-*
- (i) *his spouse;*
  - (ii) *a lineal ancestor or a lineal descendant of his or a spouse of such ancestor or descendant; or*
  - (iii) *a sibling of his or a spouse of such sibling.*

#### Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Bankrap terlibat dalam pengurusan/kawalan/bekerja dalam perniagaan.
- ii. Perniagaan itu dijalankan oleh:
  - pasangan bankrap
  - keturunan bankrap
  - keturunan sebelah pasangan bankrap
  - adik beradik bankrap
  - adik beradik pasangan bankrap
- iii. Tiada kebenaran KPI atau mahkamah.

#### 17. SEKSYEN 38(2) AKTA INSOLVENSİ 1967

- (2) *A bankrupt who makes default in performing or observing this section or a condition imposed pursuant to subsection (1A) shall be deemed guilty of a contempt of court, and shall be punished accordingly on the application of the Director General of Insolvency.*

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Bankrap melanggar mana-mana kewajipan dalam Seksyen 38(1) atau Bankrap melanggar syarat kebenaran yang dikenakan oleh KPI/Mahkamah di bawah Seksyen 38(1A).
- ii. Permohonan dibuat oleh KPI.

**18. SEKSYEN 55 (5)**

(5) Any treasurer or other officer or any banker, attorney or agent of a bankrupt shall pay and deliver to the Director General of Insolvency all money and securities in his possession or power as such officer, banker, attorney or agent which he is not by law entitled to retain as against the bankrupt or the Director General of Insolvency. If he does not, he shall be guilty of a contempt of court, and may be punished accordingly on the application of the Director General of Insolvency.

Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Individu ini termasuk dalam kategori berikut:
  - bendahari / *treasurer*
  - pegawai / *officer*
  - pegawai bank/ banker
  - peguam / *attorney*, atau
  - ejen / *agent*
- ii. Individu ini mempunyai wang atau sekuriti milik bankrap dalam kawalannya
- iii. Individu ini tidak berhak di sisi undang-undang untuk menahan wang atau sekuriti tersebut
- iv. Individu ini gagal membayar dan menyerahkan wang atau sekuriti itu kepada KPI.

## 19. SEKSYEN 91(2) AKTA INSOLVENSI 1967

*(2) Where default is made by a debtor or other person in obeying any order or direction given by the court, or given by the Director General of Insolvency, or any other officer of the court, under any power conferred by this Act, the court may, on the application of the Director General of Insolvency or other duly authorized person, or of its own motion, order such defaulting debtor or person to comply with the order or direction so given, and may also, if it thinks fit, make an immediate order for the committal of such defaulting debtor or other person.*

### Intipati yang perlu dibuktikan:

- i. Terdapat satu perintah/arahan yang sah.
- ii. Perintah/arahan itu dikeluarkan oleh:
  - Mahkamah
  - KPI, atau
  - Pegawai mahkamah lain dengan kuasa statutori
- iii. Individu tersebut telah ingkar:
  - Gagal hadir
  - Gagal serah dokumen
  - Gagal beri keterangan
  - Gagal patuh arahan
- iv. Ingkar dilakukan oleh:
  - Bankrap
  - Mana-mana orang lain (ejen bankrap)
- v. Permohonan dibuat kepada mahkamah oleh:
  - KPI, atau
  - Mana-mana orang yang diberi kuasa





**JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA****PERNYATAAN SAKSI**

5 NO. KEBANKRAPAN :

CAWANGAN :

NAMA :

10 NAMA PANGGILAN :

NO. K/P :

(WARNA):-

15 NO. K/P LAMA : -

KETURUNAN :

BAHASA :

20 TARIKH/TEMPAT LAHIR:

UMUR :

25 JANTINA :

TARAF PERKAHWINAN :

PEKERJAAN :

30 ALAMAT TEMPAT KERJA:

ALAMAT RUMAH :

35 ALAMAT-ALAMAT LAIN : -

ALAMAT TETAP :

.....  
Tandatangan Saksi.....  
Tandatangan Jurubahasa.....  
Tandatangan Pegawai Perukam

40 NO. TELEFON RUMAH :  
 NO. TELEFON PEJABAT :  
 NO. TELEFON BIMBIT :  
 45 NO. FAKS :  
 EMAIL :

**MAKLUMAT IBU BAPA / PARENT INFORMATION**

50 Nama Bapa/*Father's Name* :  
 Nama Ibu /*Mother's Name* :  
 55 Alamat Rumah/*Home Address* :  
 No. Telefon Rumah/*Home Contact No*: -  
 Tel. Bimbit /*H/P Contact No* : -

60

**MAKLUMAT PASANGAN / SPOUSE INFORMATION**

65 Nama/*Name* : -  
 Pekerjaan/*Job* : -  
 Alamat Pejabat/*Office Address* :  
 70 No. Telefon Rumah/*House Contact No*:  
 No. Telefon Pejabat /*Office Contact No*:  
 Tel Bimbit /*H/P Contact No* :

75

80

Tandatangan Saksi

Tandatangan Jurubahasa

Tandatangan Pegawai Perakam

**MAKLUMAT RAKAMAN / RECORD STATEMENT**

85

PEGAWAI PERAKAM / RECORDING OFFICER:

TEMPAT RAKAMAN / RECORDING PLACE:

90

TARIKH / DATE : MASA / TIME :

95

**MAKLUMAT JURUBAHASA / INTERPRETOR INFORMATION**

NAMA JURUBAHASA / INTERPRETOR'S NAME:

NO K/P/IC NUMBER:

100

BAHASA / LANGUAGE:

105

.....  
Tandatangan Saksi

.....  
Tandatangan Jurubahasa

.....  
Tandatangan Pegawai Perakam

110 (i) SESEORANG ITU HENDAKLAH MENJAWAB SEMUA SOALAN-  
 SOALAN BERKAITAN DENGAN SESUATU KES YANG DIKEMUKAKAN  
 KEPADANYA OLEH PEGAWAI BERKENAAN DENGAN SYARAT IA  
 BOLEH MENOLAK DARIPADA MEMBERI JAWAPAN JIKA JAWAPAN  
 115 ITU AKAN MENYEBABKAN IA KENA PADA SESUATU TUDUHAN  
 JENAYAH ATAU HUKUMAN ATAU HILANGAN / *ONE MUST ANSWER  
 ALL QUESTIONS RELATED TO A CASE SUBMITTED TO HIM BY THE  
 OFFICERS CONCERNED WITH THE CONDITION THAT THEY MAY  
 REFUSE TO ANSWER IT THE ANSWER IS, IT MAY BE ON A  
 CRIMINAL CHARGE OR PENALTY OR LOSS*

120 (ii) SESEORANG ITU WAJIB MENYATAKAN DENGAN BENARNYA  
 SAMADA ATAU TIDAK KETERANGAN TERSEBUT DIBUAT  
 SELURUHNYA ATAU SEBAHAGIANNYA DALAM MENJAWAB SOALAN-  
 125 SOALAN / *A PERSON WHO GIVES EVIDENCE UNDER THIS SECTION  
 SHALL SPECIFY THE TRUTH, WHETHER OR NOT SUCH EVIDENCE IS  
 WHOLLY OR PARTLY IN ANSWER THE QUESTIONS.*

S: ADAKAH ANDA FAHAM MENGENAI PERUNTUKAN DI ATAS YANG TELAH  
 SAYA JELASKAN KEPADA ANDA?

130 *DO YOU UNDERSTAND THE ABOVE PROVISIONS THAT I HAVE EXPLAINED  
 TO YOU?*

J :

135 SILA ANDA TANDATANGANI DI BAWAH MENGESAHKAN BAHAWA ANDA FAHAM  
 AKAN PERUNTUKAN TERSEBUT / *PLEASE SIGN BELOW TO CONFIRM THAT YOU  
 UNDERSTAND THE PROVISION.*

-----  
 (TANDATANGAN SAKSI)

NAMA:  
 NO. K/P:  
 TARIKH:  
 MASA:

-----  
 (PEGAWAI PERAKAM)

NAMA:  
 NO. KAD KUASA:  
 TARIKH:  
 MASA:

-----  
 Tandatangan Saksi

-----  
 Tandatangan Jurubahasa

-----  
 Tandatangan Pegawai Perakam

BAGI MENJAWAB SOALAN-SOALAN SAYA/TO ANSWER MY QUESTION:

145 **S:**  
J:

**S:**  
J:

150 **S:**  
J:

J:

155

**S: Adakah apa-apa maklumat tambahan yang ingin anda berikan?**  
J:

160 **S: Adakah anda memberi keterangan secara sukarela atau paksaan?**  
J:

165 **RAKAMAN PERCAKAPAN DIBACAKAN SEMULA KEPADA SAKSI DAN DIAKUI SEBAGAI BENAR DAN BETUL.**

170 RAKAMAN PERCAKAPAN SELESAI PADA JAM PAGI

-----  
(TANDATANGAN SAKSI)  
NAMA:  
NO K/P:  
TARIKH:  
MASA:

-----  
(PEGAWAI PERAKAM)  
NAMA:  
NO KAD KUASA:  
TARIKH:  
MASA:

175

-----  
Tandatangan Saksi

-----  
Tandatangan Jurubahasa

-----  
Tandatangan Pegawai Perakam